

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah kedudukan terkini komitmen Kerajaan dalam projek pembinaan Rel Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) menjelang tamatnya tempoh penangguhan pembinaannya iaitu Mei 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat maklum, Projek Keretapi Laju Kuala Lumpur - Singapura telah dipersetujui untuk ditangguhkan sehingga 31 Mei 2020. Projek ini ditangguhkan kerana ianya melibatkan komitmen kewangan Kerajaan yang tinggi dan kedudukan kewangan negara pada masa ini tidak mengizinkan.
2. Kos yang terlibat dalam tempoh penangguhan projek adalah kos *abortive* berjumlah SGD15,026,491 yang telah dibayar oleh Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Republik Singapura pada 31 Januari 2019. Pembayaran tersebut adalah bagi menampung kos yang telah dibelanjakan oleh pihak Singapura bagi kerja-kerja yang telah dijalankan seperti kerja-kerja pemindahan utiliti dan kerja-kerja tanah.
3. Di dalam tempoh penangguhan projek, Kementerian Hal Ehwat Ekonomi sedang menjalankan Kajian Hala Tuju yang melibatkan kajian teknikal dan komersil. Hasil daripada kajian akan dibenteng melalui

NO. SOALAN : 433

Memorandum Jemaah Menteri yang merangkumi cadangan skop, kos dan struktur projek yang baharu, untuk pertimbangan Jemaah Menteri bagi memuktamadkan hala tuju projek seterusnya sebelum tarikh akhir penangguhan pada 31 Mei 2020.

Sekian, terima kasih.